

---

D442

B 8095 D E B

MAHATHIR - PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 2 DIS (BERNAMA) - - PERDANA MENTERI BERKATA BIDANG PERTANIAN NEGARA MESTILAH SANGGUP MENEROKAI INDUSTRI PERTANIAN YANG MODEN YANG BEROREINTASIKAN EKSPORT BAGI MENGGANTIKAN PERTANIAN SECARA TRADISIONAL.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAMINI BERKATA PENDEKATAN PERTANIAN NEGARA MESTILAH MENJURUS KEPADA USAHA-USAHA PERTANIAN YANG BERSIFAT KEBANGSAAN DAN PEMASARANNYA MESTILAH DIPERINGKAT GLOBAL.

+SERAMAI 16 JUTA PENDUDUK MALAYSIA MEMERLUKAN MAKANAN SECARA TETAP DAN MENCUKUPI DAN OLEH ITU SUOAH PASTI PEMBEKALAN MAKANAN TERPAKSADIJADIKAN INDUSTRI YANG BESAR DAN SOFISTIKATED, + KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MALAM PERTANIAN DISINI.

BELIAU BERKATA BIDANG PERTANIAN NEGARA PERLU DIUSAHAKAN SECARA BESAR-BESARAN, UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN MASYARAKAT MODEN DAN BESAR KERANA PERTANIAN DAN PETANI TRADISIONAL TIDAK LAGI MAMPU MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PEMBEKAL.

\* BAGAIMANAPUN RAKYAT TIDAK BOLEH KHAYAL DENGAN PENDAPAT BAHAWA PERTUKARAN DARIPADA TRADISIONAL KEPADA MODEN DENGAN SENDIRINYA MEMBAWA KEJAYAAN. PERSIAPAN CUKUP MESTILAH DIADAKAN UNTUK MENJAYAKAN PERUBAHAN ITU.

-- LAGI

2232MST 02 12 87

0444

B 8096 DEB

MAHATHIR - PERTANIAN 2 KUALA LUMPUR

NEGARA PERLU KEPADA ORANG YANG TERLATIH TERUTAMANYA DALAM BIDANG PENGURUSAN KERANA KEHADIRAN CERDIK PANDA 1 SEAT 4 PEMIMPIN PETANI DAN NELAYANAMAT BERMAKNA UNTUK MELAKUKAN PERUBAHAN YANG DIPERLUKAN TANPA MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN PETANI DAN NELAYAN TRADISIONAL.

HANYA DENGAN PENDEKATAN YANG TERSUSUN DAN LENGKAP BARULAH DAPAT KITA MENIKMATI KEJAYAAN DARIPADA PENDEKATAN YANG BARU INI, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAHKAN BAHAWA NEGARA MEMERLUKAN SUSUNAN INDUSTRI PERTANIAN SEPERTI SUSUNAN DALAM BIDANG PENANAMAN GETAH DAN KELAPA SAWIT UNTUK MEMBOLEHKANNYA MENGEKSPORT BAHAN BERKENAAN.

+ JIKA KITA INGIN MENGADAKAN INDUSTRI EKSPORT, HASIL PERTANIAN KITA TIDAK MUNGKIN BERJAYA SELAGI KITA KEKAL DENGAN SISTEM PERTANIAN TRADISIONAL, + KATANYA.

BELIAU BERKATA, LEBIH AWAL GOLONGAN NELAYAN TRADISIONAL MENERIMA CARA YANG MODEN DAN PERUBAHAN, LEBIH CEPATLAH NASIB MEREKA AKAN PULIH. -- LAGI

2237MST 02 12 87

D445

B B097 DEE  
MAHATHIR - PERTANIAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, KERAJAAN TIDAK AKAN OAPAT MENGURANGKAN KEMISKINAN NELAYAN SELAGI MEREKA KEKAL DENGAN CARA MENANGKAP IKAN YANG LAMA ATAU MENGHAOKAN AKTIVITI HANYA DISUNGAI-SUNGAI DAN PERSISIRAN PANTAI.

RAKYAT TIDAK HARUS MENYALAHKAN SESIAPA ATAS SEBARANG KEGAGALAN BIDANG PERTANIAN KERANA RAKYAT KINI TELAH PUN BERKUASA MENENTUKAN DASAR DAN TINDAK ANDI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI.

SALAH SATU SEBAB MENGAPA MALAYSIA TIDAK BEGITU BERJAYA DALAM BIDANG PERTANIAN DAN PERIKANAN, SELAIN GETAH DAN KELAPA SAWIT, IALAH KERANA KITA MENGANGGAP PERTANIAN BUKAN SEBAGAI KEGIATAN KOMERSIAL.

BAGAIMANAPUN SEKARANG, BELIAU BERKATA: +PADANGAN KITA SUDAH TERBUKA TERHADAP POTENSI PERTANIAN. JIKA KITA TIDAK MEREPUT PELUANG ATAU KITA GAGAL MENJAYAKAN PERUSAHAAN PERTANIAN KITA, KITA LAH YANG PATUT DISALAHKAN+.

RAKYAT HARUS MENKAJI DAN MENGENAL PASTI SEBAB-SEBAB MENGAPA SEMUA PELUANG DAN POTENSI YANG ADA TIDAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA, DAN MEMIKIRKAN TENTANG PASARAN DUNIA D A N EKSPORT. -- LAGI

2239MST 02 12 87

D446

B B098 DEB  
MAHATHIR - PERTANIAN 4 KUALA LUMPUR

+SELAGI KITA MENGAMALKAN PERTANIAN SEBAGAI KEGIATAN KECIL-KECILAN YANG MELIBATKAN HANYA PETANI TRADISIONAL, SELAMA ITULAH PERUSAHAAN PERTANIAN KITA TIDAK AKAN BERKEMBANG,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

MALAYSIA BERTUAH KERANA TANAHNYA SUBUR, IKLIMNYA SESUAI DAN SELAIN BANJIR SEKALI-SEKALA YANG TIDAK MENIMBULKAN BENCANA YANG BESAR, NEGARA TIDAK DILANDA OLEH RIBUT TAUFAN ATAU GEMPABUMI SERTA LETUPANGUNUNG BERAPI.

FAKTOR-FAKTOR ITU DENGAN SENDIRINYA MENOLONG SUPAYA RAKYAT LEBIH BERUPAYA UNTUK BERSAING ATAU MENJADI KOMPETITIF, TAMBAHNYA.

DALAM BIDANG PERIKANAN PULA, LAUT DALAM NEGARA ADALAH SUMBER KEKAYAAN NEGARA DAN RAKYAT BARU SAHAJA SEDAR AKAN HAKIKAT INI, SEDANGKAN ORANG ASING SUDAH BERPULUH-PULUH TAHUN MENEROKA DAN MERAHAI KEKAYAAN HASIL LAUT DALAM NEGARA INI.

+KITA BERTEMPIK MARAHKAN ORANG ASING, SEDANGKAN KITA SENDIRI TIDAK BERUPAYA ATAU TIDAK BERMINAT UNTUK MENGAMBILNYA+. -- LAGI

2241MST 02 12 87

0447

B B099 DEE  
MAHATHIR - PERTANIAN 5 KUALA LUMPUR

KATANYA, APABILA KERAJAAN MENGADAKAN KERJASAMA DALAM PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM, BARULAH RAKYAT SEDAR BAHAWA NEGARA TELAH SEKIAN LAMA MENGABAIKAN BIDANG ITU YANG BERPOTENSI BESAR.

+DENGAN TERTUBUHNYA ANGKATAN LAUT OALAM YANG AKAN MENEROKA BIDANG INI SECARA AGRESIF TIDAK BERAPA LAMA LAGI, NELAYAN DAN NEGARA AKAN MENIKMATI BANYAK FAEDAH+.

DALAM BIDANG PENTERNAKAN PULA, KATANYA, BUKANLAH MUSTAHIL NEGARA DAPAT MENGHASILKAN SEMUA JENIS GAGING UNTUK KEPERLUAN RAKYAT DAN UNTUKEKSPORT KERANA PENTERNAKAN NEGARA TIDAK TERHAD KEPADA AYAM, ITIK, KAMBING DAN LEMBU MALAHAN NEGARA BOLEH MENGELUARKAN DAGING RUSA, ARNAB, KAMBING BIRI-BIRI DAN MUNGKIN JUGA AYAMPIRU. -- BERNAMA

2243MST 02 12 87